



## JABATAN BENDAHARI UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

### PEKELILING BENDAHARI BIL. 7 TAHUN 2015

#### GARIS PANDUAN TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN (*ENTERPRISE*) PTJ (PUSAT TANGGUNGJAWAB) UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)

## 1.0 TUJUAN

Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) tentang Garis Panduan Tabung Penjanaan Pendapatan (*Enterprise*) PTJ Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Pengurusan Universiti kali ke 94 (Bil.1/2015) bertarikh 20 Mac 2015 dan penambahbaikan untuk disertakan contoh pengiraan juga telah dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Universiti ke 95 pada 19 Jun 2015 .

Garis Panduan ini juga adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Pengurusan Universiti Ke 89 telahpun meluluskan Garis Panduan Perbelanjaan Berhemah Tahun 2014 dan di dalam petikan para 2.2.1 iaitu '*Mulai Tahun 2014, setiap PTJ dikehendaki menjana pendapatan sebanyak 10% daripada jumlah peruntukan mengurus tahunan yang diluluskan oleh Naib Canselor UniMAP di mana pendapatan dari tabung tersebut boleh digunakan bagi menampung perbelanjaan mengurus tahunan PTJ*'.

Senarai Kod Akaun Tabung Penjanaan Pendapatan (*Enterprise*) telahpun diwujudkan untuk setiap PTJ bagi tujuan ini ([Lampiran 1](#)).

## 2.0 LATAR BELAKANG

Selaras dengan pelan transformasi UniMAP yang telah disediakan melalui Pelan Perancangan Strategik UniMAP 2011-2015 iaitu '***Notable Wealth Creation***' (***Penjanaan Kekayaan Yang Ketara***) dan tema UniMAP tahun 2014 '***Berminda Usahawan, Berjiwa Ilmuwan***' seperti yang telah digariskan dalam Buku Ucaptama Naib Canselor UniMAP Tahun 2014, semua staf dikehendaki untuk

membantu melonjakkan pendapatan PTJ masing-masing melalui inisiatif penjanaan pendapatan.

Keperluan penjanaan pendapatan merupakan pelan transformasi yang telahpun disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia di dalam memastikan kelangsungan kelestarian kewangan universiti pada masa hadapan. Ini merupakan cabaran bagi setiap pihak pengurusan PTJ untuk memastikan ‘survival’ kewangan yang merupakan fokus utama bagi halatuju dan objektif PTJ tercapai.

### **3.0    OBJEKTIF**

- 3.1    Memberikan panduan kepada semua warga UniMAP mengenai tatacara penjanaan pendapatan yang akan dijana oleh setiap PTJ.
- 3.2    Menggalakan budaya minda ‘*creative thinking*’ kepada semua staf untuk menghasilkan gerakan-gerakan yang akan memberikan impak terhadap kekayaan PTJ
- 3.3    Menjadikan PTJ tidak terlalu bergantung kepada jumlah peruntukan tahunan mengurus daripada Universiti.
- 3.4    Menjadikan Universiti mempunyai halatuju yang jelas dalam mengembangkan konsep kelestarian kewangan untuk semua PTJ.

### **4.0    TAKRIFAN**

- 4.1    Penjanaan bermaksud pendapatan yang diperolehi dan dijana daripada aktiviti-aktiviti yang diluluskan berdasarkan perlombagaan universiti.
- 4.2    Tabung Penjanaan Pendapatan (*Enterprise*) bermaksud satu tabung yang diwujudkan bagi kegunaan PTJ.
- 4.3    PTJ bermaksud Pusat Tanggungjawab yang diluluskan oleh Pegawai Pengawal dan Jawatankuasa Pengurusan Universiti

### **5.0    PERLAKSANAAN**

- 5.1    Jenis-jenis pendapatan yang akan dijana oleh PTJ dan boleh dimasukkan ke dalam tabung ini adalah seperti yuran seminar/ kursus/ bengkel yang dianjurkan oleh PTJ sendiri, sewaan, hasil-hasil perniagaan, konsultansi

dan lain-lain pendapatan berkaitan yang dibenarkan oleh Universiti. Nisbah pendapatan dijana oleh PTJ yang boleh dimasukkan ke dalam Tabung ini adalah seperti berikut:

<u><b>PTJ</b></u>	<u><b>UniMAP</b></u>
5.1.1 <i>Yuran Seminar/ Kursus/ Bengkel</i>	80%
5.1.2 <i>Sewaan Fasiliti/ Alatan</i>	20%
5.1.3 <i>Hasil-Hasil Perniagaan</i>	80%
5.1.4 <i>Konsultansi</i>	(Tatacara CIGC)

- 5.2 Bagi melonjakkan pendapatan yang dijana oleh PTJ dan Universiti, semua staf digalakkan untuk menjalankan inisiatif penjanaan pendapatan selaras dengan tema UniMAP iaitu '*Berminda Usahawan, Berjiwa Ilmuhan*'. Sehubungan dengan itu, pembayaran honorarium / insentif kepada staf yang terlibat dengan pendapatan yang dijana adalah berdasarkan jumlah maksimum 50% daripada jumlah pendapatan **bersih** yang diterima oleh PTJ. Maksud pendapatan bersih adalah seperti berikut :

Pendapatan Kasar	RM100,000
Tolak Perbelanjaan	RM 90,000
<b>Pendapatan Bersih</b>	<b>RM 10,000</b>

Daripada jumlah itu RM 2,000 iaitu (20%) adalah untuk UniMAP manakala bakinya RM 8,000 adalah untuk PTJ.

Pengiraan jumlah yang saguhati/honorarium staf (jika berkaitan) adalah seperti berikut :-

**Contoh Pengiraan :**

<i>Pendapatan bersih PTJ (Yuran Seminar)</i>	<i>RM10,000</i>
<i>Jumlah Diterima UniMAP (20%)</i>	<i>RM 2,000</i>
<i>Nisbah yang diterima oleh PTJ (80%)</i>	<i>RM 8,000</i>
<i>Pembayaran Honorarium Staf (50% x RM8,000)</i>	<i>RM 4,000</i>

- 5.3 Jumlah pembayaran tersebut adalah tertakluk kepada cadangan daripada Ketua Jabatan dan persetujuan awal jumlah yang diterima dan bilangan staf yang terlibat mestilah dipohon terlebih dahulu. Ini bagi mengelakkan pertikaian tentang jumlah bayaran yang akan diterima oleh staf. Borang Permohonan Penggunaan Tabung Enterprise dilampirkan ([Lampiran 2](#)).

- 5.4 **Hasil yuran pengajian dan lain-lain yuran** seperti yuran desasiswa, yuran pengangkutan, yuran kesihatan, yuran kebajikan, yuran aktiviti desasiswa, caj insurans, yuran perpustakaan dan lain-lain yuran serta geran daripada agensi adalah **TIDAK termasuk** dalam tabung ini. **Pendapatan daripada aktiviti-aktiviti universiti** juga **TIDAK termasuk** dalam tafsiran penjanaan kewangan ini.
- 5.5 Setiap PTJ hanya dibenarkan membuka satu tabung penjanaan sahaja dan semua aktiviti yang berkaitan hanya akan dimasukkan di dalam tabung ini sahaja. Adalah menjadi tanggungjawab PTJ sendiri untuk mengawal dan menguruskan aktiviti kewangan tabung ini dan sekiranya ada lebihan, baki ini boleh dibawa ke hadapan.
- 5.6 Prosedur kewangan adalah seperti Peraturan Kewangan sedia ada yang digunakan di UniMAP. Contoh: GRN, pengesahan dan sebagainya adalah dibawah tanggungjawab PTJ masing-masing.
- 5.7 PTJ yang berjaya mencapai pendapatan bersih melebihi 30% daripada peruntukan mengurus tahunan PTJ boleh dipertimbangkan untuk pengiktirafan PTJ cemerlang. Pihak universiti juga boleh mempertimbangkan untuk memberi tambahan peruntukan mengurus tahunan, tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Universiti.
- 5.8 Pembelian Harta Modal (Vot 35), panjar wang runcit (*petty cash*) dan bayaran gaji/emolumen **TIDAK dibenarkan** melalui tabung ini. Pengecualian kepada pembelian ini tertakluk kepada kelulusan Naib Canselor UniMAP (Pegawai Pengawal).
- 5.9 Semua program/aktiviti di bawah tabung ini mestilah dikendalikan oleh sekretariat PTJ itu sendiri.
- 5.10 Modal pendahuluan (*Seed Money*) boleh diambil daripada Peruntukan Mengurus PTJ yang berkenaan tertakluk kepada baki peruntukan Vot 29 PTJ tersebut.
- 5.11 Semua pendapatan yang dijana oleh PTJ melalui UniMAP Holdings Sdn Bhd dan anak-anak syarikatnya boleh diambil kira ke dalam pendapatan PTJ berdasarkan formula yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak.
- 5.12 Semua terimaan untuk tabung ini mestilah atas nama **BENDAHARI UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS** dan sebarang pembayaran adalah

melalui cek, EFT (*Electronic Fund Transfer*), TT (*Telegraphic Transfer*) atau pembayaran melalui mesin deposit tunai. **Nombor akaun bank Muamalat UniMAP adalah 0901-0001234-71-0.** Pembayaran secara atas talian (*online*) adalah dibenarkan. Pembayaran secara tunai adalah dilarang. (Salinan bukti pembayaran ke akaun UniMAP perlu dikemukakan untuk pengiktirafan hasil/terimaan bagi Tabung ini).

## 6.0 TARIKH KUATKUASA

Garis Panduan ini berkuatkuasa mulai 1 Julai 2015 sehingga pindaan yang baru dikeluarkan.

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

NO	COST CENTER CODE	DESCRIPTION
1	5010	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN PEJABAT NAIB CANSELOR
2	5011	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN UNIT PEMBANGUNAN LESTARI
3	5012	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH
4	5013	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN & INOVASI
5	5014	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN PALAPES
6	5015	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN ANJUNG UniMAP KL
7	5016	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN SUKSIS
8	5017	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN PUSAT KESIHATAN
9	5018	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN ANJUNG KULIM
10	5019	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN PUSAT PEMBANGUNAN KORPORAT & PEMBANGUNAN KUALITI
11	5020	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK)
12	5021	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN JABATAN PENDAFTAR
13	5022	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN JABATAN BENDAHARI
14	5023	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN PERPUSTAKAAN
15	5024	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN JABATAN HAL EHWAH PELAJAR (HEPA)
16	5025	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN JABATAN KESELAMATAN

17	5026	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN JABATAN PEMBANGUNAN
18	5027	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN UNIT PENGURUSAN PROJEK KAMPUS TETAP
19	5028	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT
20	5029	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN DESA SISWA
21	5030	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN PP KEJURUTERAAN MIKROELEKTONIK
22	5031	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN PP KEJURUTERAAN KOMPUTER DAN PERHUBUNGAN
23	5032	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN PUSAT TEKNOLOGI KOMUNIKASI & PEMBANGUNAN INSAN
24	5033	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN PUSAT BAHASA
25	5034	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN PUSAT PENGAJIAN INOVASI PERNIAGAAN & TEKNOUSAHAWAN
26	5035	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN PUSAT KEJURUTERAAN
27	5036	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN
28	5037	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN PUSAT KERJASAMA INDUSTRI & KERAJAAN (CIGC)
29	5038	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN PPK PEMBUATAN
30	5039	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN PPK SISTEM ELEKTRIK
31	5040	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN PPK BAHAN
32	5041	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN PPK MEKATRONIK
34	5042	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN PPK BIO PROSES
35	5043	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN PPK ALAM SEKITAR
36	5044	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (P & I)

37	5045	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN INSTITUT KEJURUTERAAN NANOELEKTRONIK
38	5046	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN PUSAT PENERBITAN UniMAP
39	5047	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN PROGRAM PENGAJIAN DIPLOMA
40	5048	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN INSTITUT MATEMATIK KEJURUTERAAN
41	5049	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN PUSAT HAL EHWAL ANTARABANGSA
42	5050	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN PUSAT SUKAN
43	5051	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN INSTITUT AGROTEKNOLOGI LESTARI
44	5052	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN PUSAT KO-KORUKULUM
45	5053	TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN PUSAT PEMBGNAN HARTA INTELEK



## BORANG PERMOHONAN PENGGUNAAN TABUNG PENJANAAN PENDAPATAN (*ENTERPRISE*) PTJ UniMAP

Tarikh :

Bendahari  
Universiti Malaysia Perlis

### **PERMOHONAN PENGGUNAAN TABUNG ENTERPRISE**

Ketua Program : \_\_\_\_\_ No. Staf: \_\_\_\_\_

PTJ : \_\_\_\_\_

Tajuk Program : \_\_\_\_\_

Tarikh Program : \_\_\_\_\_ Kod Program : \_\_\_\_\_

Jumlah Pendapatan Bersih : \_\_\_\_\_

Agihan Peruntukan : \_\_\_\_\_

UniMAP ( \_\_\_\_ %) : \_\_\_\_\_

PTJ ( \_\_\_\_ %) : \_\_\_\_\_

Disahkan Oleh : \_\_\_\_\_

Ketua Jabatan

Tarikh : .....

---

#### **Untuk Kegunaan Jabatan Bendahari :**

**Nota :**